

## AGENDA 8.1: STATUS KAWALAN KETAKAKURAN

### 1. TUJUAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang laporan status kawalan ketakakuran bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi tempoh 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017.

### 2. LATARBELAKANG

Ketakakuran berlaku sekiranya produk/perkhidmatan tidak mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam Standard, Prosedur, Arahan Kerja, Maklum Balas Pelanggan dan lain-lain sumber berkenaan di UPM. Universiti Putra Malaysia perlu mengenalpasti tindakan yang perlu diambil untuk mengawal produk/perkhidmatan yang tidak akur menerusi satu atau lebih, kaedah di bawah, iaitu:

- (a) Hapuskan ketakakuran yang dikesan;
- (b) Beri kelulusan penggunaan produk/perkhidmatan dengan kebenaran pihak yang berkuasa dan/atau pelanggan (jika berkenaan);
- (c) Halang penggunaan produk/perkhidmatan tersebut; dan
- (d) Ambil tindakan terhadap kesan atau kesan yang mungkin timbul daripada sesuatu ketakakuran setelah produk/perkhidmatan tersebut disampaikan atau digunakan.

### 3. LAPORAN

Laporan status kawalan ketakakuran bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) adalah seperti pada **Lampiran 1.**

### 4. SYOR

Ahli MKSP UPM dimohon mengambil maklum status kawalan ketakakuran bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001 bagi tempoh pelaporan 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017.

**Lampiran 1**

**AGENDA 8.1: STATUS KAWALAN KETAKAKURAN**

(Tandakan ✓ pada ruangan yang berkaitan)

QMS     ISMS     EMS

Nota: Kawalan Ketakakuran - langkah-langkah untuk mengenalpasti, mengawal dan mengendalikan ketakakuran yang boleh atau berpotensi menyebabkan kelemahan dalam Sistem Pengurusan ISO

Bil	Kenyataan Ketakakuran	Kaedah Kawalan Ketakakuran	Tarikh tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
1.	<p>Didapati Petunjuk Prestasi Utama KPI JINM UPM tahun 2016 tidak mencapari sasaran iaitu:</p> <p>Bil 1 (ii) Bilangan Jaringan Industri Berimpak Tinggi 5 Bintang.</p> <p>Pencapaian prestasi KPI tersebut adalah 50 jaringan (90.91%) daripada 55 jaringan industri berimpak tinggi yang disasarkan pada 2016.</p> <p><b>Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)</b></p>	<p><u>Kaedah Kawalan:</u> Ambil tindakan terhadap kesan atau kesan yang mungkin timbul daripada sesuatu ketakakuran setelah produk/perkhidmatan tersebut disampaikan atau digunakan.</p> <p>Ini berlaku akibat faktor luar kawalan dari segi kewangan dan ekonomi semasa dan memberi kesan ke atas pendanaan. Walau bagaimana pun pejabat TNCJINM bersama CiRNeT telah mengadakan <i>roadshow</i> berjumpa dengan semua PTJ untuk memantapkan lagi bilangan jaringan industri berimpak tinggi (5 bintang). Pencapaian 2016 sebanyak 50 bilangan industri berimpak tinggi adalah satu lonjakan yang tinggi berbanding hanya 27 pada tahun 2015.</p>	Jan - Mac 2017	<p><input checked="" type="checkbox"/> Ya</p> <p><input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><input type="checkbox"/> Dalam Proses</p> <p>Catatan (jika ada): Mencapai sasaran KPI Q1 2017 iaitu sebanyak 25.45%</p>

**Lampiran 1**

**AGENDA 8.1: STATUS KAWALAN KETAKAKURAN**

(Tandakan ✓ pada ruangan yang berkaitan)

**QMS**

**ISMS**

**EMS**

Nota: Kawalan Ketakakuran - langkah-langkah untuk mengenalpasti, mengawal dan mengendalikan ketakakuran yang boleh atau berpotensi menyebabkan kelemahan dalam Sistem Pengurusan ISO

Bil	Kenyataan Ketakakuran	Kaedah Kawalan Ketakakuran	Tarikh tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
1.	<p><u>Pendaftaran Pelajar Baharu</u> Masih terdapat beberapa kolej tidak mematuhi keperluan melaksanakan pengesahan pendaftaran dengan kad pengenalan pelajar ((Semakan sendiri semasa pendaftaran pelajar Asasi Sains Pertanian (1 Jun 2017) di kolej-kolej kediaman).</p> <p><b>Peneraju ISMS bagi Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Bahagian Hal Ehwal Pelajar</b></p>	<p><u>Kaedah Kawalan:</u> Ambil tindakan terhadap kesan atau kesan yang mungkin timbul daripada sesuatu ketakakuran setelah produk/perkhidmatan tersebut disampaikan atau digunakan</p> <p><u>Tindakan yang akan dilaksanakan:</u> 1) Mengeluarkan surat peringatan kepada pengurusan kolej berkaitan keperluan untuk melaksanakan proses semakan pengesahan pendaftaran menggunakan kad pengenalan pelajar (Mykad).</p> <p><b>Tindakan: Peneraju ISMS bagi Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Bahagian Hal Ehwal Pelajar</b></p> <p>2) Memberi penekanan kepada keperluan berkenaan semasa sesi taklimat keperluan ISMS sebelum sesi pendaftaran pelajar baharu</p> <p><b>Peneraju ISMS bagi Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Bahagian Hal Ehwal Pelajar</b></p>	<p>Sebelum kemasukan pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018</p> <p>Sebelum kemasukan pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018</p>	<p><input type="checkbox"/> Ya</p> <p><input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> Dalam Proses</p> <p>Catatan (jika ada): -</p>